

'Jangan campuri politik'

BH 7 SEP 1987

KUANTAN, Ahad — Perdana Menteri malam ini menggesa golongan yang terbabit dalam bidang kehakiman supaya jangan mencampuri urusan politik sehingga menimbulkan kesangsian rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan itu kini tidak segan untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai hal-ehwal politik, walaupun ia di luar bidang kuasa mereka.

"Sama ada tindakan mereka itu menyokong atau menentang pentadbiran kerajaan, ia tidak menjadi soal, tetapi apa yang penting ialah ia mungkin menimbulkan kesangsian rakyat terhadap sistem kehakiman negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat akan hilang keyakinan untuk dihadapkan ke hadapan hakim yang mencampuri hal-ehwal politik.

pentadbiran kerajaan dan kini melarat sehingga menteri sendiri tidak boleh menjalankan tugas dengan berkesan kerana setiap tindakan mereka boleh dipersoalkan.

"Saya bimbang negara akan menjadi kucar-kacir sekiranya arah aliran ini berterusan dan tidak diawasi," katanya di majlis makan malam merai-kannya sempena lawatan tiga hari ke Pahang Darulmakmur.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap pihak perlu menghadkan bidang tugas masing-masing seperti yang dijelaskan dalam perlembagaan.

Mengenai perlembagaan, Perdana Menteri berkata, cadangan untuk mengkaji semula perlembagaan tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh mencetuskan huru-hara.

"Kalau perlembagaan dikaji semula, pelbagai tuntutan akan dibuat dan ini mungkin menjejaskan kedudukan istimewa orang Melayu serta menamatkan kerakyatan orang lain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, golongan yang mencadangkan perlembagaan dikaji semula sebenarnya mengikut perasaan dan mempunyai kepentingan politik.

"Kajian semula perlembagaan tidak boleh dijadikan isu politik kerana ia mungkin mencetuskan rusuhan kaum.

"Jika perlu dipinda sekalipun, ia sepatutnya dilaksanakan melalui proses tertentu," katanya.